

22/09/1997

Muslihat Soros abui mata dunia: Anwar (HL)

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong  
HONG KONG, Ahad - Dakwaan George Soros bahawa kecaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadapnya dibuat semata-mata bagi menutup kelemahan Perdana Menteri dalam mengurus ekonomi negara, adalah muslihat pembiaya kewangan itu untuk mengabui mata dunia mengenai kerjaya manipulasinya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu jelas kerana dunia sudah mengetahui bahawa Soros adalah antara pengurus dana yang memanipulasi urusan kewangan besar di dunia.

"Saya kira kenyataan Soros itu tidak tepat sebab kritikan Perdana Menteri terhadap perilaku spekulasi dan penyalahgunaan kebebasan dari segi urusan mata wang itu bukannya bermaksud beliau menghalang perniagaan itu sama sekali," katanya.

Anwar berkata, dakwaan Soros itu juga tidak berasas kerana tiada siapa yang boleh menafikan perbuatannya menjejaskan ekonomi dan meruntuhkan mata wang Thailand sehingga memberi kesan kepada negara yang berjiran dengannya.

"Untuk Soros menyatakan bahawa ini (tindakan Perdana Menteri menyalahkannya) sebagai langkah untuk menutup kelemahan dan kegagalan kita mengurus ekonomi adalah tidak benar.

"Malah dalam perbincangan antara Menteri Kewangan Asean dengan rakan sejawat dari Jepun serta pihak IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa) petang ini, tiada siapa yang boleh menafikan bahawa adanya unsur spekulasi yang merugikan yang mesti ditangani sebaik mungkin.

"Oleh itu, analisis Soros terhadap Dr Mahathir adalah tidak tepat dan dibuat semata-mata sebagai helah menutup kerjayanya," katanya kepada pemberita selepas perbincangan Menteri Kewangan Asean dan Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus, di sini hari ini.

Soros ketika berucap mengakhiri seminar hari kedua menjelang Mesyuarat IMF-Bank Dunia petang ini memberitahu perwakilan bahawa beliau dijadikan sasaran tuduhan liar dan palsu Dr Mahathir apabila Malaysia menghadapi kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Soros yang melabel Dr Mahathir sebagai 'pengacau' di negaranya sendiri mendakwa serangan Perdana Menteri terhadapnya itu bertujuan menutup kelemahan pemimpin Malaysia itu menangani permasalahan ekonomi semasa.

Pembiaya kewangan Amerika itu juga menolak saranan Dr Mahathir untuk mengharamkan urusan niaga mata wang kerana ia boleh mencetuskan malapetaka di pasaran mata wang sejagat.

Soros yang menjadikan ucapan dan sidang akhbarinya selepas itu sebagai medan melancarkan serangan balas kepada Perdana Menteri, juga memberitahu perwakilan, cadangan Malaysia itu tidak wajar dan seharusnya tidak perlu diberikan perhatian serius.

Menyifatkan penjelasan Soros petang ini sebagai helah, Anwar berkata, apa yang dilakukan olehnya itu adalah bertentangan sekali dengan apa yang pernah diperkatakannya sebelum ini.

"Saya masih ingat sangat dengan satu artikel yang ditulis Soros dalam Atlantic (sebuah majalah bulanan Amerika Syarikat). Beliau bercakap mengenai sikap tidak bermoral dan beretika serta ketidaksempurnaan pasaran.

"Kenapa kini ia (artikel itu) dilupakan apabila beliau sendiri berurusan dengan spekulasi pasaran dan mata wang. Adakah perkara itu boleh dipertahankan sebagai satu tindakan yang murni dan bermoral?" tanya Anwar.

Anwar berkata, Malaysia juga tidak pernah menyalahkan Soros sepenuhnya

terhadap masalah yang dihadapi, sebaliknya lebih kepada kegiatan spekulatif dan tindakan manipulasi di pasaran.

"Ini kerana negara mempunyai asas ekonomi yang stabil. Kita sentiasa meneliti kedudukan ekonomi dan sebab itulah Malaysia muncul sebagai antara negara yang stabil di rantainya," katanya.

Sehubungan itu, Anwar meminta masyarakat kewangan antarabangsa supaya tidak terpengaruh dengan helah Soros, sebaliknya memberi tumpuan kepada isu moral dan etika spekulator mata wang.

Menjawab soalan media asing bahawa Bank Negara Malaysia juga pernah terbabit dalam spekulasi mata wang pada 1992, Anwar berkata, perkara itu tidak harus disalahertikan kerana ia dibuat semata-mata untuk mempertahankan rizabnya.

Bank Negara perlu bertindak dan tidak boleh membiarkan faktor luaran menjejaskan kedudukannya.

"Selepas saja masalah itu selesai, kita membuat keputusan bahawa sebarang kegiatan Bank Negara selepas ini hanya dihadkan kepada usaha untuk melindungi rizab kita yang disimpan dalam beberapa mata wang," katanya.

(END)